

PM arah Kementerian Kerja Raya laksana segera seluruh negara **Periksa semua jejambatan**

UM-11/2/2006

Oleh HATA WAHARI
dan YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 10 Feb. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Kementerian Kerja Raya memeriksa serta merta semua struktur jejambatan dan lebuh raya bertingkat di seluruh negara.

Arahan itu dikeluarkan kepada Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu yang menemui beliau di pejabatnya di Putrajaya, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, pemeriksaan tersebut perlu disegerakan dan bukan ditumpukan di ibu negara sahaja.

"Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) perlu terus membuat pemeriksaan yang kerap terhadap jalan-jalan bertingkat kerana jika didapati retak atau rosak akan dapat dibaiki dengan segera.

"Kalau kita terlewat mengetahui kerosakan yang berlaku dan menyebabkan jambatan rosak, runtuh serta ditutup, ini akan menimbulkan banyak masalah kepada rakyat," katanya.


Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Memorial Tun Hussein Onn, Perdana Menteri ketiga Malaysia di Jalan Dato Onn di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan ahli keluarga Allahyarham Tun Hussein yang diwakili oleh anaknya, Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Utusan Malaysia kelmarin mendedahkan satu lagi keretakan yang dikesan berlaku pada jejambatan Lebuh Raya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur.

Samy Vellu dalam reaksinya semalam, mengarahkan LLM mendapatkan maklumat daripada syarikat konsesi Lebuh Raya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur iaitu Projek Lintasan Kota Sdn. Bhd. (Prolintas) berhubung isu keretakan pada jejambatan lebuh raya berkenaan.

Beliau yang nyata kurang senang dengan pendedahan masalah keretakan jejambatan lebuh raya tersebut berkata: "Pergi tengoklah semua jambatan di seluruh negara. Adakah retak atau tidak? Pergi buat satu laporan besarlah, boleh buat sekali gus guna



MENGENANG JASA... Memorial Tun Hussein Onn bagi mengenang jasa Perdana Menteri ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn yang terletak di Blok A, bangunan bekas Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur mempamerkan koleksi peribadi Allahyarham bermula pada zaman kanak-kanak sehinggalah akhir hayatnya.

ia terbahagi kepada tiga aras dan dibuka dari Selasa hingga Ahad bermula 10 pagi hingga 5.30 petang.

● HISHAMMUDDIN Tun Hussein memberi penerangan kepada Abdullah Ahmad Badawi sambil diperhatikan oleh Najib Tun Razak mengenai bintang kebesaran yang diperoleh Allahyarham bapanya selepas majlis perasmian Memorial Tun Hussein di Kuala Lumpur, semalam. [Berita di muka 2]

UM-11/2/2006

- Gambar ABD. RAHMAN SALEH

Periksa semua jejambat

semua 16 muka surat untuk menunjukkan seluruh negara sudah tak ada baik. Habislah, semua tak ada baik."

Perdana Menteri memberitahu, sikap melakukan penyenggaraan di negara ini agak lemah dan kurang yang menyebabkan bangunan-bangunan cepat rosak serta tidak diuruskan dengan baik.

"Ini menyebabkan kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk membaiki kerosakan, perkara ini boleh dielakkan sekiranya penyenggaraan dilakukan secara kerap terhadap semua bangunan dan kemudahan-kemudahan awam di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, Samy Vellu dalam kenyataannya hari ini telah mengarahkan JKR dan LLM menjalankan pemeriksaan terhadap semua struktur jejambat dan lebuhraya bertingkat di seluruh negara.

Beliau mahu LLM dan JKR menghantar laporan mengenai pemeriksaan tersebut kepadanya secepat mungkin.

Menurutnya, pemeriksaan tersebut harus menyeluruh dan terperinci untuk memberi gambaran serta penjelasan mengenai keadaan serta

kaedah-kaedah penyenggaraan yang dipakai, agar tidak berlaku sebarang kekeliruan atau mewujudkan keadaan yang mencemaskan orang ramai.

"Ia bagi menghindarkan struktur jejambat dan lebuhraya bertingkat daripada menjadi bahan publisiti sehingga menjadikan orang ramai, khususnya para pengguna jalan raya dan lebuhraya berasa cemas," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sebelum itu, Samy Vellu mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri serta turut memberi penjelasan mengenai laporan LLM berhubung dakwaan keretakan serius pada Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur.

Dalam hal itu, beliau meminta semua pihak supaya mendapatkan maklumat atau penjelasan daripada kementerian bagi mengelak sebarang kekeliruan dan keadaan yang mencemaskan, khususnya di kalangan orang ramai.

Menurut Samy Vellu, setakat ini, pihak kementerian, JKR dan LLM telah berusaha menjalankan kerja-kerja pemantauan dan penyenggaraan jejambat dan lebuhraya bertingkat di seluruh negara sebaik mungkin.